

08/11/2003

Jam saduran emas peringati Dr M

KOTA KINABALU: Jam saku disadur emas tulen bernilai RM78,000 bagi memperingati jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memerintah negara selama 22 tahun dilancarkan, di sini kelmarin.

Pelancarannya disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bingkor yang juga pengerusi projek berkenaan, Datuk Dr Jeffrey Kitingan di Hotel Magellan Sutera.

Syarikat Suria IT Com Sdn Bhd (Suria) yang bertanggungjawab dalam penjualan jam ini hanya mengeluarkan 9,999 unit bagi edisi berkenaan dengan satu daripadanya sudah dihadiahkan kepada Dr Mahathir.

Dr Jeffrey berkata selain sebagai tanda kenangan terhadap bekas Perdana Menteri itu, jam berkenaan dijual bagi tujuan mengisi dana Persatuan Isteri Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen (Bakti).

"Jam saku seberat 220 gram ini dianggap unik, bukan saja kerana disalut emas 22 karat, malah memiliki lakaran wajah Dr Mahathir serta sesuai dijadikan koleksi berharga," katanya.

Pengurus Besar Suria, John Chow berkata sehingga ini pihaknya menerima lebih 250 tempahan dari seluruh negara.

"Mungkin ada yang kata harga jam ini mahal, tetapi jika melihat nilai kenangan terhadap sumbangan Dr Mahathir sepanjang memerintah negara 22 tahun, ia adalah sebaliknya," katanya.